



# GARIS PANDUAN PENYERTAAN

## Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan



Pertandingan  
*Anugerah*  
**INOVASI**  
Negeri Perak 2022

**GARIS PANDUAN**  
**ANUGERAH INOVASI PIHK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) 2022**  
**PERINGKAT NEGERI PERAK**

**1. TUJUAN**

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk **membantu Pihak Berkuasa Tempatan mengemukakan permohonan** untuk menyertai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2022 Peringkat Negeri Perak. GP ini **meggariskan syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan pemohonan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AIPBT 2022.**

**2. OBJEKTIF**

- Menggalak dan meningkatkan kesedaran tentang inovasi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan;
- Memberi pengiktirafan secara formal kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mencapai kecemerlangan pembudayaan dalam melaksanakan program-program peningkatan inovasi; dan
- Menggalakkan persaingan sihat antara Pihak Berkuasa Tempatan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

**3. HADIAH PENGHARGAAN**

Pemenang AIPBT 2022 Peringkat Negeri Perak akan menerima hadiah ;

<b>PERTAMA</b>	Wang Tunai RM5,000 , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KEDUA</b>	Wang Tunai RM4,000 , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KETIGA</b>	Wang Tunai RM3,000 , Piala dan Sijil Penghargaan

#### 4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- a. Penyertaan adalah diwajibkan kepada **semua** Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak dengan sekurang-kurangnya satu **(1) penyertaan dan maksimum dua (2) penyertaan** yang telah diiktiraf daripada pihak pengurusan PBT masing-masing;
- b. Permohonan menyertai AIPBT hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan yang disediakan oleh urusetia. Satu (1) borang bagi satu projek inovasi yang ingin dipertandingkan;
- c. Inovasi yang dipertandingkan adalah merupakan inovasi yang dihasilkan oleh PBT sendiri atau inovasi kerjasama melalui kolaborasi strategik dengan agensi lain;
- d. Inovasi yang layak dipertandingkan adalah berusia dalam tempoh 3 tahun mulai tahun **2020,2021 dan 2022**;
- e. Inovasi yang dicalonkan untuk AIPBT 2022 **tidak** boleh menyertai Anugerah Inovasi dalam kategori yang lain kecuali Anugerah Inovasi Menteri Besar;
- f. Projek inovasi disarankan menepati ciri-ciri *Customer Initiative Improvement, Customer Saving* dan *Qualiti Enhancement* yang boleh menghasilkan faedah dan impak yang jelas kepada organisasi;
- g. Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat Inovasi Penciptaan (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau Inovasi Penambahbaikan (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif);
- h. Inovasi yang pernah menyertai AIPBT sebelum ini, boleh menyertai anugerah ini dengan syarat penambahbaikan telah dilakukan kepada projek inovasi berkenaan;
- i. Tarikh tutup penyertaan ditetapkan pada **15 Ogos 2022**. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pihak urusetia, Borang Penyertaan perlu dikemukakan terlebih dahulu sebelum atau pada **15 Julai 2022**.
- j. Penyertaan dipertimbangkan untuk projek inovasi kategori/berkonsep **non ICT** sahaja manakala bagi projek inovasi berkonsep ICT diminta untuk menyertai Anugerah Inovasi Pengurusan Teknologi & Komunikasi yang diurussetiakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat;
- k. Keputusan Panel Penilai AIPBT 2022 adalah muktamad.

## 5. PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN

PBT yang ingin menyertai AIPBT 2022 Peringkat Negeri Perak perlu menyediakan dokumen permohonan sebagai asas penilaian.

5.1.1 Dokumen tersebut hendaklah mengandungi **empat (4) bahagian** iaitu:

BIL.	BAHAGIAN	PERKARA
1	<b>Bahagian Pertama</b>	<p><b>Ringkasan Eksekutif</b></p> <p>Ringkasan profil dan ciri - ciri kecemerlangan agensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti.</p>
2	<b>Bahagian Kedua</b>	<p><b>Latar Belakang Agensi</b></p> <p>Bahagian ini menerangkan tentang profil agensi.</p>
3	<b>Bahagian Ketiga</b>	<p><b>Laporan Penuh</b></p> <p>Laporan mestilah <b>menjawab keseluruhan Kriteria Penilaian AIPBT 2022</b> yang telah ditetapkan seperti yang <b>terkandung dalam Garis Panduan</b>. Penggunaan gambar, jadual dan graf adalah digalakkan.</p>
4	<b>Bahagian Empat</b>	<p><b>Rumusan</b></p> <p>Mengenai alasan-alasan mengapa Agensi berkenaan wajar dipertimbangkan untuk memenangi AIPBT (<b>dalam bentuk bullet points</b>)</p>

5.1.2 Ringkasan Eksekutif, Latar Belakang Agensi, Laporan Penuh dan Rumusan hendaklah menggunakan **font Arial dengan saiz 12, line spacing 1.5** dan **portrait orientation**.

## 6. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AIPBT 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK

- a) Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan PBT memenuhi **syarat kelayakan penyertaan**;
- b) **Penilaian dan senarai pendek** oleh Panel Penilai AIPBT berdasarkan Komponen A, B dan C dalam Kriteria Penilaian AIPBT 2022;
- c) Penilaian pertama akan dilakukan oleh panel juri secara dalam talian. PBT yang melepassi saringan pertama dikehendaki hadir ke **Sesi Pembentangan Inovasi PBT** pada **tarikh dan masa yang akan ditetapkan kemudian**;
- d) Perakuan pemenang AIPBT oleh Jawatankuasa Induk ; dan
- e) **Pengumuman pemenang AIPBT** dalam Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 yang akan dimaklumkan kelak.

## 7. SKALA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN AIPBT 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK

No.	Kriteria Penilaian	Markah
1.	<b>Pengurusan Organisasi</b>	15
2.	<b>Inovasi Dalam Perkhidmatan Teras</b>	60
3.	<b>Usaha-Usaha Dan Pembudayaan Inovasi</b>	25
<b>JUMLAH</b>		<b>100 Markah</b>

## KRITERIA PENILAIAN

<b>A. PENGURUSAN ORGANISASI</b>	<b>15 MARKAH</b>
<b>A1. PENGURUSAN KEWANGAN</b>	
<p>Kriteria ini menilai aspek-aspek yang melibatkan proses-proses perancangan, pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar mengenai pencukaian, belanjawan, perbelanjaan, perolehan, perakaunan dan lain-lain yang berkaitan dengannya.</p>	
Sub Kriteria	Aspek-aspek yang dinilai
i. Pengurusan Kutipan Hasil Cukai/Bukan Cukai <b>(2 markah)</b>	<p>Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundungan yang diluluskan oleh parlimen yang terdiri daripada cukai langsung dan tidak langsung.</p> <p>Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip dari perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat. Contohnya hasil yang diterima kerana mengeluarkan permit dan lesen.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi kutipan hasil berdasarkan anggaran               <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Kutipan hasil melebihi 85% - 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Kutipan hasil 70% hingga 84% - 0.25 markah</i></li> <li>✓ <i>Kutipan hasil kurang 70% - 0.1 markah</i></li> </ul> <b>0.5 markah</b> </li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi kutipan tunggakan hasil cukai               <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Kutipan tunggakan melebihi 50% - 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Kutipan tunggakan 25% hingga 49% - 0.25 markah</i></li> <li>✓ <i>Kutipan hasil kurang 49% - 0.1 markah</i></li> </ul> <b>0.5 markah</b> </li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teguran Audit Negara mengenai kutipan hasil (tahun sebelumnya)               <b>0.5 markah</b> </li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha-usaha bagi meningkatkan hasil cukai               <b>0.5 markah</b> </li> </ul>

ii. Pengurusan Bajet dan Akaun <b>(2 markah)</b>	<p>Bajet Tahunan yang diluluskan (Sila nyatakan)</p>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi Perbelanjaan Mengurus berdasarkan bajet yang diluluskan <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Prestasi Perbelanjaan Mengurus melebihi 95% - 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Prestasi Perbelanjaan Mengurus antara 80% hingga 94% - 0.25 markah</i></li> <li>✓ <i>Prestasi Perbelanjaan Mengurus kurang 80% - 0.1 markah</i></li> </ul> <b>0.5 markah</b> </li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi Perbelanjaan Pembangunan berdasarkan bajet yang diluluskan <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Prestasi Perbelanjaan Pembangunan melebihi 95% - 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Prestasi Perbelanjaan Pembangunan antara 80% hingga 94 % - 0.25 markah</i></li> <li>✓ <i>Prestasi Perbelanjaan Pembangunan kurang 80% - 0.1 markah</i></li> </ul> <b>0.5 markah</b> </li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teguran Audit Negara mengenai perbelanjaan (tahun sebelumnya) <b>0.5 markah</b> </li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Bersih Audit Tahun 2019 <b>0.5 markah</b> </li> </ul>	

## A2. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kriteria ini bertujuan meneliti keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh PBT untuk menggembangkan dengan sepenuhnya potensi sumber tenaga manusia ke arah peningkatan perkhidmatan berkualiti.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	2 Markah
i. Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia (1 markah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Panel Pembangunan Sumber Manusia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kekerapan mengadakan mesyuarat PPSM dibuat.           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>3 kali dan lebih – 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>2 kali dan kurang – 0.25 markah</i></li> <b>0.5 markah</b></ul></li> </ul> </li> <li>ii. Perkara-perkara berikut dibincangkan semasa mesyuarat dan didokumentasikan:-           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Pengisian Jawatan – 0.1 markah</i></li> <li>✓ <i>Pelan Operasi Latihan – 0.1 markah</i></li> <li>✓ <i>Pematuhan Latihan 7 hari – 0.1 markah</i></li> <li>✓ <i>Pengiktirafan – 0.1 markah</i></li> <li>✓ <i>Pembangunan Kerjaya – 0.1 markah</i></li> <b>0.5 markah</b></ul></li> </ul>	
ii. Pengurusan Tata tertib (1 markah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratus penyelesaian kes-kes <b>tata tertib biasa</b> (kes tidak hadir bertugas bagi tempoh tertentu serta kes-kes tatakelakuan atau prestasi kerja yang tidak memuaskan) yang tertunggak pada tahun semasa.           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>0% kes tertunggak – 1 markah</i></li> <li>✓ <i>1% hingga 5% kes tertunggak – 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>6% hingga 10% kes tertunggak – 0.25 markah</i></li> <li>✓ <i>Melebihi 10% kes tertunggak – 0 markah</i></li> <b>1 markah</b></ul></li> </ul>	

### A3. PENGURUSAN ICT ORGANISASI

Kriteria ini menilai aspek-aspek penggunaan teknologi maklumat sebagai alat pemangkin keberkesanan dalam pengurusan organisasi **ke arah penyediaan perkhidmatan PBT yang berkualiti**.

<b>Sub-kriteria</b>	<b>Aspek-aspek yang dinilai</b>	<b>2 Markah</b>
i. Penggunaan ICT di PBT. <b>(2 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratusan penggunaan ICT untuk meningkatkan perkhidmatan PBT (secara atas talian)           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Penggunaan melebihi 80% - 1 markah</i></li> <li>✓ <i>Penggunaan 60% hingga 79% - 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Penggunaan 40% hingga 59% - 0.25 markah</i></li> <li>✓ <i>Penggunaan kurang 40% - 0.1 markah</i> <b>1 markah</b></li> </ul> </li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha-usaha menggalakkan penggunaan perkhidmatan secara atas talian kepada warga dan masyarakat (contohnya seperti kempen, pengiktirafan, latihan, Hari Bertemu Pelanggan)           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Melaksanakan lebih 4 program/aktiviti – 1 markah</i></li> <li>✓ <i>Melaksanakan kurang 4 program/aktiviti – 0.5 markah</i> <b>1 markah</b></li> </ul> </li> </ul>	

#### A4. PANDANGAN PENDUDUK

Kriteria ini menilai setakat mana sesuatu infrastruktur dan prasarana yang disediakan oleh PBT telah meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	7 Markah
i. Berdasarkan Borang Soal Selidik Pandangan Penduduk <b>(4 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahap efisien kawasan PBT berdasarkan 13 aspek <b>4 markah</b></li> </ul> <p>a) Ekonomi bandar        b) Kemudahan masyarakat, utiliti dan sosial        c) Infrastruktur dan utiliti        d) Rekabentuk, imej dan landskap bandar        e) Pengangkutan dan perhubungan        f) Perdagangan/perkhidmatan        g) Perkilangan dan perindustrian        h) Pelancongan dan budaya        i) Perumahan        j) Keselamatan dan kawalan        k) Governans        l) Alam sekitar        m) Perkhidmatan secara online/e-Governans</p>	
ii. Berdasarkan Borang Soal Selidik Pandangan Penduduk <b>(3 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pandangan umum penduduk tentang keefisienan PBT <b>3 markah</b></li> </ul>	

<b>B. INOVASI DALAM PERKHIDMATAN TERAS</b>		<b>60 MARKAH</b>
<b>B1. HASIL INOVASI YANG INOVATIF (Inovasi mula diperkenalkan mulai 2020 hingga 2022)</b>		
Kriteria ini merujuk kepada inovasi yang merangkumi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh PBT yang berdasarkan perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT dan diukur dari segi kreativiti dan inovatifnya.		
<b>Sub Kriteria</b>	<b>Aspek-aspek yang dinilai</b>	<b>15 Markah</b>
i. Inovasi yang dihasilkan adalah bersifat <i>leading edge</i> <b>5 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadi peneraju utama dalam pelaksanaan inovasi di peringkat :           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>PBT - 0.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Negeri – 1.0 markah</i></li> <li>✓ <i>Negara - 1.5 markah</i></li> <li>✓ <i>Antarabangsa – 2.0 markah</i></li> </ul> <b>2 markah</b> </li>   <li>• Rujukan oleh PBT/agensi lain (<i>benchmark</i>) <b>1 markah</b></li>   <li>• Melebihi sekarang dan memenuhi keperluan masa depan <b>2 markah</b></li> </ul>	
ii. Usaha inovasi yang dijalankan merangkumi perubahan yang menyeluruh dan sistematisik <b>(5 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seluruh Bahagian/Unit dalam PBT (kolaborasi semua unit/bahagian) <b>0.5 markah</b></li>   <li>• Penerimaan/penglibatan anggota organisasi <b>0.5 markah</b></li>   <li>• Mempunyai sistem menyeluruh dan difahami secara terperinci <b>0.5 markah</b></li>   <li>• Sistem yang canggih dan terkini <b>0.5 markah</b></li> </ul>	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea baru/penambahbaikan <b>1 markah</b></li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan hasil yang tinggi <b>2 markah</b></li> </ul>	
iii. Inovasi mempunyai elemen <i>value creation</i> . <b>(5 markah)</b>	<p><b>'Value Creation'</b> bermaksud produk/ perkhidmatan yang menghasilkan nilai-nilai yang berfaedah kepada organisasi dan <i>stakeholders</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai nilai cemerlang dan merangkumi semua bahagian <b>1.5 markah</b></li> <li>Nilai tambah yang diperakui terbaik <b>1.5 markah</b></li> <li>Kos rendah <b>2 markah</b></li> </ul>	

## B2. KEBERKESANAN HASIL INOVASI

Kriteria ini merujuk kepada hasil dan impak daripada inovasi tersebut diukur dengan mengambil kira tahap keberkesanan yang positif terhadap peningkatan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	15 Markah
i. Bagi menjamin keberkesanan inovasi yang dihasilkan, ianya mestilah mempunyai faedah yang nyata. <b>(6 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Faedah yang berterusan <b>3 markah</b></li> <li>Faedah yang disanjung tinggi dan tidak membebankan pengguna (perkhidmatan yang diberikan lebih cekap, cepat, tepat dan mudah) <b>3 markah</b></li> </ul>	

ii. Inovasi dihasilkan menunjukkan keberkesanannya segi hasil mampan <b>(5 markah)</b>	Inovasi yang dihasilkan mampu menyelesaikan masalah atau menambah baik perkhidmatan sedia ada <b>5 markah</b>	
iii. Inovasi yang dihasilkan meningkatkan tahap kepuasan kumpulan sasar <b>(4 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahap kepuasan kumpulan sasar  <b>1 markah</b></li> <li>• Pengurangan dalam bilangan aduan n pelanggan  <b>1 markah</b></li> <li>• Kajian yang menyeluruh sebelum dan selepas pelaksanaan inovasi  <b>2 markah</b></li> </ul>	

### B3. HASIL INOVASI YANG SIGNIFIKAN

Kriteria ini merujuk kepada hasil-hasil inovasi yang mempunyai ciri-ciri yang signifikan, penting dan berimpak tinggi kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	20 Markah
i. Inovasi yang dihasilkan adalah signifikan yang mana ia memaparkan keberhasilan yang penting <b>(10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penting Kepada :               <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Perkhidmatan awam – 8 hingga 10 markah</li> <li>✓ Organisasi – 4 hingga 7 markah</li> <li>✓ Bahagian/Seksyen/Unit – 0 hingga 3 markah</li> </ul> <b>10 markah</b> </li> </ul>	

<p>ii. Usaha yang signifikan dalam penghasilan inovasi ini adalah berimpak tinggi dimana terdapat penjanaan hasil yang ketara atau menjimatkan kos <b>(10 markah)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Impak kepada PBT :</li> </ul> <p style="margin-left: 20px;">✓ Melebihi 80% - 10 markah  ✓ Melebihi 50% - 7 markah  ✓ Melebihi 30% - 3 markah  <b>10 markah</b></p>	
---	---	--

#### B4. HASIL INOVASI YANG RELEVEN

Kriteria ini merujuk kepada hasil-hasil inovasi yang relevan dan boleh meningkatkan nilai tambah kepada negara.

<b>Sub-kriteria</b>	<b>Aspek-aspek yang dinilai</b>	<b>10 Markah</b>
<p>i. Inovasi yang dihasilkan sangat relevan dengan arus perdana dan memenuhi agenda nasional Negara seperti <i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS), NKRA, GTP, ETP, Pelan Perak Aman Jaya, penarafan (<i>competitiveness index</i>), aktiviti kesukarelawanan dan lain-lain.   <b>(5 markah)</b></p>	<p>Inovasi yang dihasilkan sangat relevan dengan arus perdana dan memenuhi agenda nasional Negara seperti <i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS), NKRA, GTP, ETP, Pelan Perak Aman Jaya, penarafan (<i>competitiveness index</i>), aktiviti kesukarelawanan dan lain-lain.</p> <p style="text-align: center;"><b>5 markah</b></p>	
<p>ii. Usaha inovasi yang ditunjukkan mengambil kira persekitaran semasa sama ada di peringkat tempatan atau pun global seperti pelaksanaan Program - program <i>Public Engagement</i>, pelaksanaan Program-program berteraskan <i>Local Agenda 21</i>, kerjasama dengan Agensi/Organisasi lain dalam atau luar Negara dan lain-lain.   <b>(5 markah)</b></p>	<p>Usaha inovasi yang ditunjukkan mengambil kira persekitaran semasa sama ada di peringkat tempatan atau pun global seperti pelaksanaan Program - program <i>Public Engagement</i>, pelaksanaan Program-program berteraskan <i>Local Agenda 21</i>, kerjasama dengan Agensi/Organisasi lain dalam atau luar Negara dan lain-lain.</p> <p style="text-align: center;"><b>5 markah</b></p>	

<b>C. USAHA-USAHA DAN PEMBUDAYAAN INOVASI</b>		<b>25 MARKAH</b>
<b>C1. PENGURUSAN PELAKSANAAN INOVASI</b>		
Kriteria ini merujuk kepada penilaian terhadap komitmen pihak pengurusan dalam melaksanakan inovasi.		
<b>Sub Kriteria</b>	<b>Aspek-aspek yang dinilai</b>	<b>6 Markah</b>
i. Penubuhan Jawatankuasa Inovasi <b>(1 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Struktur keahlian Jawatankuasa Inovasi</li> <li>• Peranan dan tanggungjawab serta penglibatan warga organisasi dalam peningkatan inovasi</li> <li>• Perancangan program-program inovasi</li> <li>• Cara dilaksanakan oleh pengurusan untuk menerapkan budaya inovasi</li> </ul> <p><b>1 markah</b></p>	
ii. Kekerapan mesyuarat <b>(1 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan mesyuarat diadakan           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Melebihi 2 kali – <b>1 markah</b></li> <li>✓ 1 hingga 2 kali – <b>0.25 markah</b></li> <li>✓ Tiada mesyuarat – <b>0 markah</b></li> </ul> </li> </ul> <p><b>1 markah</b></p>	
iii. Pelaksanaan hasil mesyuarat <b>(1 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratus pelaksanaan program yang dirancang           <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Semua program dilaksanakan mengikut perancangan – <b>1 markah</b></li> <li>✓ Lebih 50% program dilaksanakan mengikut perancangan – <b>0.5 markah</b></li> <li>✓ Kurang 50% program dilaksanakan mengikut perancangan – <b>0.25 markah</b></li> </ul> </li> </ul> <p><b>1 Markah</b></p>	
iii. Pemantauan pelaksanaan <b>(1 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindakan penambahbaikan yang diambil untuk membantu Bahagian/ Cawangan/ Unit yang tidak mencapai tahap keberkesanan inovasi</li> </ul> <p><b>1 markah</b></p>	

v. Sistem pengiktirafan dalaman <b>(2 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Memberi pengiktirafan dan meraikan pencapaian/kejayaan <b>2 markah</b></li></ul>	
--	--	--

## C2. PENANDAARASAN DARIPADA AGENSI LAIN

Kriteria ini merujuk kepada usaha-usaha PBT untuk mencontohi agensi-agensi lain bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan di PBT.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	2 Markah
i. Amalan baik yang dicontohi daripada organisasi lain perlu disertakan dengan bukti-bukti. <b>(2 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Lawatan</li> <li>• Surat Pengesahan</li> <li>• Laporan-laporan atau maklumat-maklumat lain mengenai amalan baik yang telah dicontohi</li> <li>• Lain-lain. Nyatakan.....</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>2 markah</b></p>	

## C3. MEKANISMA UNTUK MENDAPATKAN IDEA-IDEA INOVASI

Kriteria ini merujuk kepada usaha-usaha bagi meraih idea-idea inovasi yang dilaksanakan oleh PBT.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	2 Markah
i. Saluran-saluran yang digunakan untuk mendapatkan idea-idea inovasi <b>(2 markah)</b>	<p><b>Contoh-contohnya:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)</li> <li>• Peti Cadangan</li> <li>• E-mel</li> <li>• Laman web</li> <li>• Lain-lain. Nyatakan .....</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>2 markah</b></p>	

#### C4. PROMOSI HASIL INOVASI KEPADA MASYARAKAT

Kriteria ini merujuk kepada hasil-hasil inovasi yang mempunyai ciri-ciri yang signifikan, penting dan berimpak tinggi kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	2 Markah
i. Hebahan melalui media elektronik atau bukan elektronik <b>(2 markah)</b>	Hasil Inovasi dihebahkan melalui pelbagai medium. Contoh-contohnya : Kain rentang, gegantung, portal, majalah, brosur, papan iklan elektronik, televisyen dan lain-lain.  <b>2 markah</b>	

#### C5. AMALAN BAIK YANG DICONTOHI ORGANISASI LAIN

Kriteria ini merujuk kepada bagaimana hasil inovasi yang dilaksanakan dapat menjadi ikutan atau mencapai tahap ‘best practices’ bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan di PBT-PBT lain atau Agensi-agensi luar yang lain.

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	2 Markah
i. Amalan baik yang dicontohi organisasi lain perlu di sertakan dengan bukti-bukti. <b>(3 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Penghargaan</li> <li>• Surat Pengesahan</li> <li>• Laporan-laporan atau maklumat-maklumat lain mengenai amalan baik yang telah dicontohi</li> <li>• Lain-lain.</li> </ul> Nyatakan .....  <b>3 markah</b>	

#### C6. PENGIKTIRAFAN TERHADAP INOVASI

Kriteria ini merujuk kepada penilaian ke atas pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh PBT melalui penghasilan inovasi yang dipertandingkan AIPBT dalam tahun 2020,2021 dan 2022 .

Sub-kriteria	Aspek-aspek yang dinilai	10 Markah
i. Pengiktirafan yang diterima perlu di sertakan dengan bukti-bukti. <b>(10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah-Anugerah Yang Diterima:</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Peringkat Antarabangsa - 10 markah</li> <li>✓ Peringkat Kebangsaan - 7 markah</li> <li>✓ Peringkat Negeri - 5 markah</li> </ul>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN MARKAH</b>		<b>100</b>

## 8. TATACARA PERMOHONAN

8.1 PBT yang menyertai AIPBT 2022 Peringkat Negeri Perak perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut :

- a) Melengkapkan borang permohonan menyertai AIPBT 2022 Peringkat Negeri Perak seperti di **Lampiran A** dan ditandatangani oleh Datuk Bandar/ YDP/Setiausaha sebelum atau pada 27 Mei 2022;
- b) Mengemukakan *softcopy* Laporan AIPBT 2022 melalui email/google drive atau mana – mana platform yang bersesuaian kepada pihak urusetia sebelum atau pada **15 Ogos 2022**;
- c) Bagi calon yang melepas saringan pertama dalam talian akan dipanggil untuk pembentangan fizikal pada **12 – 15 September 2022**. Calon perlu menyediakan **lima (5) salinan** Laporan AIPBT 2022 dalam bentuk ***hardcopy***; dan
- d) Mengisi **senarai semak permohonan AIPBT** seperti di **Lampiran B**.

8.2 Untuk sebarang persoalan berkaitan AIPBT 2022 boleh menghubungi pihak urusetia seperti berikut:

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
BAHAGIAN KERAJAAN  
TEMPATAN  
ARAS B, BANGUNAN PERAK DARUL  
RIDZUAN JALAN PANGLIMA BUKIT  
GANTANG WAHAB 30000 IPOH  
PERAK DARUL RIDZUAN.**  
**(u.p : Urusetia AIPBT 2018 Peringkat Negeri Perak)**

1. En Khairul Nizam bin Musa 014-9467935 / 05-209 5831
2. Pn Asnida binti Isa 013-5282849 / 05-2095834
3. En Mohd Salji bin Omar 017-5146871 / 05-2095838

## LAMPIRAN A

**BORANG PERMOHONAN**  
**ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) TAHUN 2022**  
**PERINGKAT NEGERI PERAK**

**1. Projek Inovasi**

Tajuk Projek Inovasi: \_\_\_\_\_

Kategori : \_\_\_\_\_

Projek Inovasi bersifat : Penciptaan / Penambahbaikan

Projek siap dan dilaksanakan mulai : \_\_\_\_\_

Projek Inovasi ini pernah/ tidak dipertandingkan dalam mana-mana anugerah inovasi.

(Sekiranya ada sila nyatakan Nama Pertandingan, Tahun Penyertaan dan Pencapaian)

**2. Maklumat PBT :**

Nama PBT : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Laman Web : \_\_\_\_\_

**3. Maklumat pegawai yang boleh dihubungi :**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Tel. Pejabat : \_\_\_\_\_

No. Tel. Bimbit : \_\_\_\_\_

No. Faks : \_\_\_\_\_

E-mel : \_\_\_\_\_

**4. Pengesahan Ketua Jabatan**

Saya mengesahkan bahawa PBT yang dinamakan di atas bersetuju menyertai anugerah ini.

Tandatangan Datuk Bandar/  
Yang Dipertua/

Cop

\*Sila gunakan satu borang untuk setiap projek inovasi yang dipertandingkan

**LAMPIRAN B****TAJUK PROJEK INOVASI :**

---

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN  
ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2022  
PERINGKAT NEGERI PERAK**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara tersebut di atas telah dipatuhi dengan mengemukakan borang permohonan AIPBT 2022 berserta laporan yang dikehendaki:

**(Sila tandakan / bagi yang berkenaan)**

Menyertakan borang permohonan AIPBT 2022 seperti di Lampiran A yang telah ditandatangani oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua

Menyertakan 5 salinan Laporan AIPBT 2022 dalam bentuk *hardcopy*  
(bagi calon yang layak ke pusingan akhir sahaja)

Tandatangan

**Nama** : \_\_\_\_\_

**Jawatan** : \_\_\_\_\_

**Cop Jabatan:**

**Tarikh :** \_\_\_\_\_